

Tajuk : Pekerja berusia 45-49 tahun catat gaji median tertinggi
Sumber : Berita Harian
Tarikh : 28 Januari 2025

BH Selasa, 28 Januari 2025

Bisnes

Pekerja berusia 45-49 tahun catat gaji median tertinggi

Semua sektor ekonomi tunjuk pertumbuhan positif dalam trend upah

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kumpulan pekerja berusia 45 hingga 49 tahun terus mendominasi carta pendapatan penengah atau median tertinggi di Malaysia.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), golongan ini mencatatkan median upah bulanan tertinggi sekitar RM3,627 sepanjang suku ketiga 2024.

Trend ini berterusan selama 22 bulan berturut-turut sejak Disember 2022, menunjukkan pengalaman dan kemahiran dimiliki golongan ini amat dihargai dalam pasaran pekerjaan.

Walaupun semua kumpulan umur merekodkan peningkatan upah pada September 2024, pekerja muda berusia bawah 20 tahun masih menerima median upah bulanan terendah, iaitu RM1,500.

Angka ini tidak berubah sejak Jun 2022, menunjukkan cabaran dihadapi golongan muda dalam mendapatkan gaji yang setimpal.

Dalam pada itu, pekerja veteran berusia 65 tahun ke atas menunjukkan peningkatan upah tahunan tertinggi, iaitu 9.0 peratus mencapai RM2,725 pada September 2024.

Secara keseluruhannya, upah sektor formal di Malaysia meningkat 5.6 peratus pada September 2024, mencerminkan landskap pasaran buruh yang positif dan ekonomi negara yang kukuh.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan median upah bulanan mencerminkan landskap pasaran buruh lebih baik pada suku ketiga 2024, selari dengan prestasi ekonomi negara yang kukuh.

Beliau berkata, pada September 2024, bilangan pekerja formal warga negara mencapai 6.82 juta orang, meningkat 2.1 peratus berbanding bulan sama tahun sebelumnya.

Situasi upah ikut negeri

Katanya, trend upah mengikut aktiviti ekonomi pula memperlihatkan semua sektor ekonomi menunjukkan pertumbuhan positif bagi median upah bulanan pada September 2024, dengan sektor perlombongan dan pengkuarian terus merekodkan median upah bulanan tertinggi sebanyak RM5,900, meningkat 13.5 peratus berbanding September 2023, walaupun hanya menyumbang 0.6

peratus daripada keseluruhan pekerja formal.

"Pada masa sama, sektor pertanian mencatatkan median upah bulanan terendah sebanyak RM2,027, menunjukkan peningkatan 2.3 peratus tahun ke tahun pada September 2024, dengan sumbangan 1.9 peratus daripada keseluruhan pekerja formal," katanya.

Perincian situasi upah mengikut negeri pada September 2024, Mohd Uzir berkata, tiga negeri melepasi median upah bulanan nasional RM2,745 dengan Kuala Lumpur mencatatkan median upah bulanan tertinggi sebanyak RM3,964, diikuti Selangor pada RM3,000 dan Pulau Pinang sebanyak RM2,800.

Sementara itu, katanya, median upah bulanan terendah direkodkan oleh Kelantan, Perlis dan Sabah pada tempoh sama

dengan masing-masing sebanyak RM1,682, RM1,682 dan RM1,882.

Melihat kepada taburan upah, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa 32.0 peratus pekerja formal warganegara menerima median upah bulanan di bawah RM2,000 pada September 2024, berkurang 2.6 mata peratus berbanding September 2023.

Dari segi pekerja formal mengikut jantina, pekerja formal lelaki warga negara menyumbang 55.2 peratus (3.76 juta orang) daripada keseluruhan pekerja formal pada September 2024, menerima median upah bulanan sebanyak RM2,782.

Sementara pekerja formal perempuan yang merangkumi 44.8 peratus (3.05 juta orang) daripada keseluruhan pekerja formal pula menerima median upah bulanan sebanyak RM2,700 pada tempoh sama.

“Sektor pertanian mencatatkan median upah bulanan terendah sebanyak RM2,027, menunjukkan peningkatan 2.3 peratus tahun ke tahun pada September 2024, dengan sumbangan 1.9 peratus daripada keseluruhan pekerja formal”

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

